

14 NOV 1999

Abu Hassan-Calon

20-30 PERATUS CALON UMNO DI SELANGOR MUKA BARU, KATA MB

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata Umno negeri akan menampilkan 20 hingga 30 peratus muka baru sebagai calon dalam pilihan raya umum pada 29 Nov ini.

Katanya ini berikutan beberapa anggota Dewan Undangan Negeri Selangor tidak dicalonkan atas faktor kesihatan dan masalah tertentu.

Abu Hassan, yang juga Menteri Besar, berkata calon yang digugur dan penampilan muka baru sememangnya satu amalan biasa bagi Umno dan Barisan Nasional (BN) di samping mengekalkan orang lama bagi membentuk kerajaan yang mantap.

"Biasanya kita kemukakan calon baru untuk memberi peluang kepada orang muda dan berkecayaan untuk berkhidmat kepada masyarakat...dan tenaga mereka sekiranya diadunkan dengan orang lama yang banyak pengalaman akan membentuk pasukan yang kuat," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan dan konsert tadika "The Children Cottage" di sini hari ini.

Abu Hassan berkata senarai calon daripada semua parti komponen BN Selangor telah siap dan akan diserahkan kepada Presiden BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk pertimbangan.

Katanya senarai itu akan diumumkan selewat-lewatnya sehari sebelum penamaan calon pada 20 Nov ini.

Menjawab satu soalan berhubung kedudukan beliau sama ada bertanding bagi kerusi dewan undangan negeri atau parlimen, Abu Hassan berkata: "Saya serahkan kepada Dr Mahathir, saya hanya mengikut perintah dan yang paling penting sekarang saya menjalankan tugas saya."

Pada pilihan raya umum yang lepas, BN memenangi kesemua 17 kerusi Parlimen manakala bagi kerusi negeri, BN memenangi 45 daripada 48 kawasan.

-- BERNAMA

JAI AKD